 - (e) if a distress or execution proceedings is levied or issued against the Cardholder and/or Company's properties and is not paid off immediately;
 - (f) if Maybank Islamic is of the view that the financial position of the Company and/or the Cardholder is or has become unsound and/or his/her ability to fulfil the terms herein stated is or has become impaired;
 - (g) If you use the Card for any unlawful or non Shariah compliant activities including but not limited to online betting, payment for non-Shariah compliant goods or payment for goods at non-halal business premises; or
 - (h) In the event of the death of the Cardholder.
- 37. QUALITY OF GOODS OR SERVICES**
- 37.1 We are not responsible for any quality of goods or services purchased with the Card or on the Account and you agree to resolve any disputes concerning such goods or services directly with the seller or service provider. Without limiting the provision herein, we do not own or operate any provider of travel services, such as airlines, hotels or rental cars, and we are not liable for deficiencies or failures in their services, even where we book such services for you as a travel agent.
- 37.2 If, at your request, we agree to charge back on your behalf seller of goods or services, you agree to fully indemnify us for any claim against us based upon the rejection of the goods or services or that charge back.
- 38. FOREIGN CURRENCY CHARGES**
- The currency of transactions conducted outside Malaysia will be converted into Ringgit Malaysia on the date the transaction record is received and/or processed by us. The converted amounts will be shown on your statement. The exchange rate used for the conversion may differ from the rate prevailing on the date of the transaction, due to market fluctuation. The exchange rate used for the conversion reflects a bundling of (i) currency conversion components of 1.25% imposed by Visa International or Mastercard International (in the case of Visa or Mastercard Credit Cards), and (ii) 1% or other rate imposed by the Bank from time to time.
- 39. THIRD PARTY SOFTWARE PROVIDER**
- If, at any time, whether before or after these terms and conditions come into effect, Maybank Islamic introduces or have introduced any third party software provider to the Company, the Company acknowledges and agrees that we make no representation nor warranty, expressed or implied, as to the functionality or reliability of any software provided by that third party to the Company, nor as to the availability, quality or duration of software support or upgrades by the third party.
- Moreover, the Company acknowledges and agrees that Maybank Islamic shall not be liable at all for the quality, merchantability or fitness for purpose of any software provided by a third party.

The Company hereby agrees that its sole recourse for any damages suffered arising from the use of, or any aspect of the software, will be with the provider of the software.

40. CONFIDENTIALITY

- 40.1 Each party agrees to treat these terms and conditions as strictly confidential, as well as all information received from the other party which is not publicly available.
- 40.2 This confidentiality provision shall survive the termination of the terms and conditions for the use of the Card.

41. TERMS AND TERMINATION

- 41.1 Subject to Clause 41.2, the initial term starts on the date it is signed by the second party to do so and shall continue in force until and unless terminated by either party by giving the other three (3) months' prior notice.
- 41.2 Either party may terminate these terms immediately by notice at any time if the other is bankrupt, insolvent or unable to pay its debts or becomes involved in any action or process (including a voluntary process) normally associated with insolvency including, without limitation, receivership, liquidation or statutory administration, or if it ceases to carry on business in Malaysia.
- 41.3 On termination of these terms, the Account shall be closed and the Card will be automatically cancelled. All Charges incurred before cancellation of the Account and the Cards are payable in accordance with these terms and conditions.

42. NOTICES

All notices to be given hereunder shall be in writing.

43. SERVICES OF LEGAL PROCESS

- 43.1 You agree that we may serve any writ of summon or other legal process in respect of any claim arising out of or in connection with these terms and conditions on you by sending a copy of such process by prepaid registered post (and a copy by ordinary post) to the address as stated in the application form or to such addresses as you may formally notify us in writing from time to time.
- 43.2 A party may change its notice details by giving notice to the other in accordance with this provision.

44. GOVERNING LAW

These terms and conditions and all matters relating to the Account or the Card are governed by the Laws of Malaysia.

45. GENERAL PROVISION

Subject to compliance with Shariah principles, we may vary or modify these terms and conditions at any time by giving 21 days prior notice and we will notify you of such changes by posting to www.maybank2u.com. You will be automatically bound by any variation or modification (right of assignment is covered under Clause 46) if you subsequently use the Card.

46. DISCLOSURE OF CUSTOMER INFORMATION AND PERSONAL DATA UNDER THE ISLAMIC FINANCIAL SERVICES ACT 2013 AND THE PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010

Subject to the Company and/or the Cardholder express instruction restricting disclosure (if any) for the purposes of marketing activities, the Company and/or the Cardholder consent to and authorize the Bank to collect, process, disclose, transfer of the Company and/or the Cardholder personal data to other entities within Maybank Islamic including its branches in Malaysia and in other countries as well as local and overseas subsidiaries and other external parties, including but not limited to the parties/bodies listed below for the maintenance, storage and retention of the Company and/or the Cardholder personal data, within or outside of Malaysia, in order to process the Company and/or the Cardholder application for products and services and subsequently to continue performing the contractual agreements entered between the Company and/or the Cardholder and any entity within Maybank Islamic.

The Company and/or the Cardholder consent and authorize the Bank to collect, process, disclose, transfer, maintain, store and retain your personal data to other entities within the Maybank Islamic including its branches in Malaysia and in other countries as well as local and overseas subsidiaries and other external authorised agents.

The Company and/or the Cardholder consent to the Bank conducting credit checks and verification of information given by the Company and/or the Cardholder in the application for the Banking Accounts or services with any credit bureaus or corporation set up for the purpose of collecting and providing credit or other information. The Company and/or the Cardholder also consent to the Bank's disclosure of the Company and/or the Cardholder financial condition, details of accounts, account relationship with the Bank including credit balances to:-

- (a) government or regulatory authorities in Malaysia and elsewhere, including Bank Negara Malaysia, Credit Bureau, Central Credit Reference Information System (CCRIS), Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad;
- (b) companies which are related to the Bank by virtue of Section 7 of the Companies Act 2016, or any associated company of the Bank or of its parent company (the Bank together with its related/associated companies are collectively referred to as "Maybank Islamic");
- (c) party(ies) providing services (including outsourcing vendors, lawyers, nominees, custodians, centralised securities depository or registrar, debt collection agents) to the Bank;
- (d) the Bank's agents, consultants and professional advisers;
- (e) the Bank's or any of the Maybank Islamic's assignees;
- (f) the police or any investigating officer conducting any investigation; and
- (g) any person to whom disclosure is permitted or required by any law, regulation, governmental directive or request.

The Bank may, subject to compliance with the applicable regulatory, statutory or guidelines, use or apply any information relating to the Company and/or the Cardholder collected, compiled, or obtained by the Bank through or by whatever means and methods for such purposes as determined by the Bank.

47. ASSIGNMENT AND TRANSFER

Maybank Islamic reserves its rights without any obligations to give any notice to you to assign our rights, interests, and titles and/or to transfer our obligations hereunder or any part thereof to any persons and for this purpose reserve our rights to disclose to a potential assignee or transferee such information about you and your Card facilities and your other accounts.

48. INTER COUNTRY TRANSACTIONS

All Inter-Country transactions via ATM shall be subject to the laws existing in the country where the transaction is done. For all such transactions, the exchange rate (if applicable) shall be the prevailing rates which shall be determined by the Bank. The Bank reserves the right to determine and change the exchange rate whenever deemed necessary.

49. APPOINTMENT OF AGENT(S)

49.1 In amplification and not in derogation of its rights under these terms and conditions, Maybank Islamic shall have the right at its discretion, and when it deems it necessary to appoint and authorise an agent of its choice and on its behalf by giving at least 7 days' notice in advance for the purpose of recovering any or all monies due and payable from the Company and/or the Cardholder to Maybank Islamic under these terms and conditions.

49.2 The Company and/or the Cardholder hereby authorise Maybank Islamic to disclose any information concerning the Company and/or the Cardholder and its Account to any of its agents duly appointed for the purpose of recovering any or all monies due and payable from the Company and/or the Cardholder to Maybank Islamic under these terms and conditions.

ANNEXURE 1

EMF and ECAMF Charges

A. Effective Management Fee (EMF)

Conditions	Effective Management Fee	
Payment Months/Total 12 Months	Per Month	Per Annum
For prompt payment of 12/12 months	1.25%	15%
For prompt payment of 10/12 months	1.42%	17%
For prompt payment of less than 10/12 months	1.50%	18%

B. Effective Cash Advance Management Fee (ECAMF)

Effective Cash Advance Management Fee			
Service Fee	Conditions	Management Fee	
	Payment Months/Total 12 Months	Per Month	Per Annum
One-time fee of 5% on the Cash Advance amount or minimum of RM18 per transaction, whichever is higher	For prompt payment of 12/12 months	1.25%	15%
	For prompt payment of 10/12 months	1.42%	17%
	For prompt payment of less than 10/12 months	1.50%	18%

ANNEXURE 2

Fees and Charges

The Company and/or the Cardholder is subjected to the following fees and charges (whichever is applicable):-

- (a) Effective Management Fee as stated under Clause 16.1;
- (b) Effective Cash Advance Management Fee as stated under Clause 16.2;
- (c) Fixed Management Fee as stated under Clause 16.3;
- (d) In the event where your cheque being dishonoured, for payment of a service charge of RM10.00 for each post-dated cheque returned;
- (e) Charges for production of or photocopying or printing of copies of Sales Drafts or other documents at your request:
 - (i) original Sales Drafts: RM15.00 per copy
 - (ii) photocopy of Sales Drafts: RM5.00 per copy;
 - (iii) Corp Card Statement Request- RM 5.00 per copy per month (statement period within 2 years) and RM 10.00 per copy per month (statement period beyond 2 years). In exception of damage, non-received and missing, the fixed fee of RM 5.00 per statement copy applies for request above 3 months from the current statement date.
- (f) The Sales & Service Tax of RM25 governed by the Service Tax Act 2018 shall be imposed on each cardholder Credit Cards upon card activation and card anniversary.
- (g) Legal fees (on a Solicitor and Client basis) and other expenses incurred by us in the enforcement of our rights under these terms and conditions and/or the recovery of monies owed by you to us under your Credit Card Account; and
- (h) Any other reasonable fees and charges imposed by us for services and facilities rendered to you.
- (i) The currency of transactions conducted outside Malaysia will be converted into Ringgit Malaysia on the date the transaction record is received and/or processed by us. The converted amounts will be shown on your statement. The exchange rate used for the conversion may differ from the rate prevailing on the date of the transaction, due to market fluctuation. The exchange rate used for the conversion reflects on a bundling of (i) currency conversion components of 1.25% imposed by Visa International or Mastercard International (in the case of Visa or MasterCard Credit Cards), and (ii) 1% or other rate imposed by the Bank from time to time.

ANNEXURE 3

Fixed Management Fee (FMF)

Fixed Management Fee
Generic
RM75,000

Maybank Card Centre
7th Floor, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.

TERMA & SYARAT KAD KORPORAT-i MAYBANK ISLAMIC

Pengeluaran Kad Korporat-i Maybank Islamic (“Kad Korporat-i” atau “Kad”) oleh Maybank Islamic Berhad (No. Syarikat: 200701029411) kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat dan penggunaan Kad oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat ini yang dimaklumkan kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat semasa memohon dan/atau penyerahan Kad. Terma dan syarat ini akan mengikat Pemegang Kad dan/atau Syarikat dengan serta-merta setelah mengakui menerima dan/atau menggunakan Kad oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat.

1. PENGGUNAAN KONSEP SYARIAH

Ujrah

- 1.1 Di bawah konsep Ujrah, dengan mengeluarkan Kad, kami menyediakan perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang dikenal pasti untuk anda sebagai pertukaran bagi fi.
 - 1.2 Kami berhak mengenakan Fi Pengurusan kepada anda sebagai pertukaran bagi semua Perkhidmatan yang disediakan untuk anda.
- Qard***
- 1.3 Di bawah kontrak Syariah Qard, anda boleh menggunakan Kad mengikut Had Kad yang kami luluskan.
 - 1.4 Qard bermaksud kontrak pinjaman wang, iaitu kami meminjamkan wang kepada anda dan anda terikat untuk membayar amaun yang setara kepada kami.

2. MENANDATANGANI SEGERA KAD

Pemegang Kad hendaklah menandatangani Kad dengan segera setelah menerima, melainkan Pemegang Kad dan Syarikat tidak mahu terikat dengan terma dan syarat ini, yang dalam kes ini Syarikat dan/atau Pemegang Kad hendaklah memotong Kad kepada dua dan mengembalikannya kepada Bank.

Kad yang telah ditandatangani akan membentuk penerimaan dan persetujuan di pihak Syarikat dan/atau Pemegang Kad bagi semua terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini termasuklah terma dan syarat yang mungkin diperkenalkan oleh Maybank Islamic dari semasa ke semasa.

Pemegang Kad mengaku janji tidak akan mendedahkan Nombor Pengenalan Diri (PIN), yang diperuntukkan oleh Maybank Islamic kepadanya setelah Kad dikeluarkan, kepada mana-mana orang, dan jika gagal berbuat demikian, Pemegang Kad hendaklah bertanggungan terhadap Maybank Islamic bagi apa-apa catatan debit ke dalam Akaun Kad Korporat-i dengan Maybank Islamic yang timbul daripada urus niaga yang tidak dibenarkan.

3. TAKRIF

- 3.1 Dalam terma dan syarat ini, takrif berikut terpakai.
 - (i) “kami”, “kita”, “Bank” bermaksud Maybank Islamic.
 - (ii) “anda” bermaksud Syarikat yang memohon Akaun.
 - (iii) “Akaun” bermaksud Akaun Kad Korporat-i anda.
 - (iv) “Syarikat” bermaksud syarikat, firma atau organisasi yang namanya tertera pada Kad Korporat-i dan Borang Permohonan.
 - (v) “Pemegang Kad Korporat” atau “Pemegang Kad” bermaksud individu yang Kad Korporat-i dikeluarkan kepadanya atas permintaan Syarikat.
 - (vi) “Pemegang Kad” bermaksud individu yang Kad Korporat-i dikeluarkan kepadanya atas permintaan Syarikat.
 - (vii) “Caj” bermaksud semua jumlah yang dicajkan kepada Akaun, tanpa mengambil kira sama ada caj daripada atau kebenaran caj lain yang ditandatangani, termasuklah pembelian barang dan perkhidmatan, pengeluaran/pendahuluan tunai, caj pembayaran lewat dan apa-apa fi atau caj lain.
 - (viii) “Pendahuluan Tunai” bermaksud penggunaan kad untuk mengeluarkan tunai atau dalam apa-apa bentuk tunai dalam apa-apa mata wang dan menggunakan Kad untuk membeli cek kembara, mata wang asing, kiriman wang dan urus niaga tunai kuasi yang mewakili jualan barang Pedagang (termasuklah mata wang digital, iaitu mata wang kripto atau yang berkaitan/sepadan dengan mata wang kripto);
 - (ix) “Had Kredit” bermaksud had yang dikenakan oleh Maybank Islamic kepada anda kerana menggunakan Kad;

- (x) “Mesin Juruwang Automatik (ATM) Ditetapkan” hendaklah bermaksud mesin berkomputer yang menjalankan pengeluaran tunai serta perkhidmatan dan kemudahan perbankan lain yang ditetapkan untuk digunakan oleh Pemegang Kad;
- (xi) “Terminal Bacaan Kad Kredit” bermaksud titik terminal urus niaga yang boleh membaca Cip dan data Magnet pada Kad;
- (xii) “Jumlah Baki Baharu” bermaksud baki terdahulu dan jumlah pembelian barang dan/atau perkhidmatan, Pendahuluan Tunai yang ditanggung oleh Pemegang Kad yang Maybank Islamic telah membeli Draf Jualan dan Draf Pendahuluan Tunai termasuklah apa-apa fi dan caj yang dikenakan oleh Maybank Islamic tolak apa-apa pembayaran yang dibuat oleh Pemegang Kad dan dikreditkan ke dalam Akaun dalam Tempoh Bil;
- (xiii) “Tarikh Cukup Tempoh” bermaksud tiga puluh (30) hari kalendar dari Tarikh Tutup Tempoh Bil yang tertera dalam penyata akaun bulanan;
- (xiv) “Tempoh Bil” bermaksud tempoh yang semua pembelian barang dan/atau perkhidmatan, Pengeluaran/Pendahuluan Tunai, fi dan caj yang ditanggung oleh Pemegang Kad direkodkan oleh Maybank Islamic dalam penyata akaun bulanan;
- (xv) “Hari Perniagaan” bermaksud apa-apa hari Maybank Islamic dibuka untuk perniagaan am di Kuala Lumpur;
- (xvi) “Fi Pengurusan” bermaksud fi yang dikenakan kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat sebagai pertukaran bagi Perkhidmatan yang disediakan;
- (xvii) “Perkhidmatan” bermaksud perkhidmatan, keistimewaan dan manfaat yang disediakan oleh Maybank Islamic untuk Pemegang Kad dan/atau Syarikat dari semasa ke semasa seperti yang ditentukan oleh Bank;
- (xviii) “Ujrah” bermaksud fi yang kami kenakan sebagai pertukaran bagi perkhidmatan/kemudahan yang diberikan/disediakan untuk anda;
- (xix) “Qard” bermaksud kontrak pinjaman wang apabila kami memberikan pinjaman kepada anda dan anda dan/atau Pemegang Kad terikat untuk membayar amaun yang setara kepada kami menurut peruntukan dalam terma dan syarat ini.

4. KEMUDAHAN KAD KORPORAT-i

- 4.1 Dalam tempoh penggunaannya dan tertakluk kepada terma dan syarat ini seperti yang boleh dipinda oleh Maybank Islamic dari semasa ke semasa, Kad Korporat-i melayakkan Pemegang Kad mendapatkan kemudahan kad kredit dengan Maybank Islamic dalam Had Kredit yang dikenakan oleh Maybank Islamic dan, tertakluk kepada kelulusan segera Maybank Islamic, kemudahan dan perkhidmatan perbankan lain yang disediakan untuk Pemegang Kad dari semasa ke semasa.
- 4.2 Kemudahan Kad Korporat-i tersebut pada masa ini terdiri daripada:-
 - (a) Pembayaran barang dan/atau perkhidmatan patuh Syariah daripada mana-mana pedagang berdaftar dengan Maybank Islamic;
 - (b) Pengeluaran tunai (“Pendahuluan Tunai”); dan/atau
 - (c) Kemudahan dan/atau perkhidmatan lain, seperti yang boleh ditentukan oleh Maybank Islamic dari semasa ke semasa.

5. KUASA SYARIKAT

Syarikat dengan ini membenarkan Pemegang Kad menyimpan Kad dan menggunakan kemudahan Kad untuk dan bagi pihak Syarikat.

6. CARA PENGGUNAAN

- 6.1 Untuk melaksanakan pembelian menggunakan Kad Korporat-i daripada mana-mana pedagang berdaftar dengan Maybank Islamic, Pemegang Kad mestilah menandatangani draf jualan yang disediakan oleh pedagang berdaftar dengan Maybank Islamic dengan menggunakan Kad Korporat-i, tetapi tandatangan tersebut tidak boleh menjadi prasyarat kepada tanggungan Pemegang Kad berhubung dengan urus niaga pembelian;
- 6.2 Pemegang Kad dan/atau Syarikat hendaklah mematuhi semua keperluan, arahan, perintah dan garis panduan penggunaan Kad Korporat-i yang dikeluarkan oleh Maybank Islamic dari semasa ke semasa berhubung dengan semua kemudahan dan perkhidmatan kredit dan perbankan yang disediakan untuk Pemegang Kad dan/atau Syarikat;
- 6.3 Maybank Islamic berhak menganggap rekod urus niaganya yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad Korporat-i termasuk tetapi tidak terhad kepada urus niaga yang dilaksanakan melalui pesanan mel atau telefon sebagai bukti hutang yang ditanggung sebenarnya oleh Pemegang Kad yang akan didebitkan ke dalam akaun Pemegang Kad;

- (c) Pemegang Kad dan/atau Syarikat bersetuju bahawa rekod Maybank Islamic tentang apa-apa urus niaga yang dilaksanakan menggunakan Kad Korporat-i adalah muktamad dan mengikat Pemegang Kad dan/atau Syarikat dan seperti yang dianggap sesuai oleh Bank.
- (d) Pemegang Kad dan/atau Syarikat hendaklah bertanggungan terhadap semua dan apa pun caj dan pendahuluan yang timbul daripada semua urus niaga, sama ada dibenarkan atau tidak dibenarkan, yang dilaksanakan dengan Kad Korporat-i.
- 6.4 Walau apa pun peruntukan yang bertentangan yang dinyatakan dalam dokumen ini, Maybank Islamic boleh, atas budi bicaranya, pada bila-bila masa dengan atau tanpa notis, memutuskan tidak akan membaharui, membatalkan, menarik balik Kad Korporat-i atau menggantung atau mengehadkan penggunaan Kad Korporat-i oleh Pemegang Kad apabila berlakunya mana-mana satu kejadian berikut:-
- (a) menggunakan Kad Korporat-i sebagai pembayaran untuk apa-apa pembelian yang tidak sah; atau
 - (b) menggunakan Kad Korporat-i sebagai pembayaran untuk apa-apa urus niaga yang menyalahi undang-undang; atau
 - (c) menggunakan Kad Korporat-i untuk membeli barang dan perkhidmatan yang akan dijual semula, iaitu "bukan untuk kegunaan peribadi Pemegang Kad"; atau
 - (d) menggunakan Kad Korporat-i sebagai pembayaran barang dan/atau perkhidmatan tidak patuh Syariah;
- 6.5 Jawatankuasa Shariah Bank belum meluluskan sebarang jenis mata wang digital dan penggunaan Kad untuk Pendahuluan Tunai dengan pengendali mata wang digital yang tidak dibenarkan (seperti yang disenaraikan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia) adalah tidak digalakkan. Sekiranya anda melakukannya, ia akan menjadi risiko anda sendiri dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang ditanggung.

7. AKAUN & KAD

- Maybank Islamic akan mengeluarkan Kad Korporat-i untuk Akaun yang menggunakan nama anda dan pekerja anda yang ditetapkan seperti yang anda pilih secara bertulis kepada kami.
- 7.1 Maybank Islamic berhak:-
- (a) menghendaki setiap bakal Pemegang Kad melengkapkan borang permohonan untuk Kad;
 - (b) mengenakan keperluan pendapatan minimum kepada Pemegang Kad menurut kriteria pengurusan risiko biasa Maybank Islamic;
 - (c) menjalankan pemeriksaan kredit terhadap Syarikat dan/atau Pemegang Kad, tertakluk kepada keperluan sah dan keperluan kawal selia yang terpakai. Pemeriksaan ini termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, mendapatkan laporan kredit daripada agensi pelaporan kredit;
 - (d) menolak untuk mengeluarkan, membaharui atau menggantikan Kad bagi mana-mana orang;
 - (e) membatalkan atau menggantung penggunaan Kad pada bila-bila masa sama ada secara umum atau berkaitan dengan urus niaga tertentu.
- 7.2 Kami akan membaharui dan menggantikan Kad, tertakluk kepada 7.1 di atas, melainkan Syarikat dan/atau Pemegang Kad mengarahkan sebaliknya.

8. PULANGAN TUNAI

- 8.1 Kini anda boleh menggabungkan semua perbelanjaan Pemegang Kad untuk memperoleh pulangan tunai sehingga 0.3% daripada perbelanjaan dalam negeri dan 0.7% daripada perbelanjaan luar negeri bagi semua urus niaga runcit, tidak termasuk petrol dan perkhidmatan kerajaan. Pulangan tunai dikira pada akhir bulan dan akan dikreditkan pada awal bulan berikutnya ke dalam Akaun Kad anda dan akan ditunjukkan dalam penyata Akaun pada bulan tersebut.
- 8.2 Jumlah urus niaga terkumpul bulanan yang kurang daripada RM200 tidak layak mendapat Pulangan Tunai.
- 8.3 Maybank Islamic akan mendebitkan atau menolak pulangan tunai bagi urus niaga bayaran balik pedagang. Amaun itu akan dicajkan kepada Pemegang Kad dalam penyata akaun bulan berikutnya. Contohnya, Urus Niaga dalam jumlah amaun agregat RM1000 (Pemegang Kad mendapat pulangan tunai sebanyak 0.3% daripada perbelanjaan dalam negeri) pada bulan Jun.

Penyata Kad setakat 1 Julai

Urus niaga	1,000.00
Pulangan Tunai 0.3%	-3.00
Jumlah yang Dibilkan	997.00

Contohnya, Urus Niaga dalam jumlah amaun agregat RM1000 (Pemegang Kad mendapat pulangan tunai sebanyak 0.3%) pada bulan Jun. Amaun yang dibayar balik ialah RM200. Pulangan tunai

sebanyak 0.3% daripada amaun yang dibayar balik RM200 akan didebitkan dan dicaj semula yang berjumlah RM0.60 berakhir dengan amaun keseluruhan yang perlu dibayar sebanyak RM797.60.

Penyata Kad 1 Julai

Urus niaga	1,000.00
Pulangan Tunai 0.3%	-3.00
Bayaran Balik	-200.00
Pulangan Tunai 0.3% daripada RM200	+0.60
Jumlah Perlu Dibayar (1,000 - 200 - 3 +0.60)	797.60

9. HAD KREDIT

- 9.1 Maybank Islamic boleh, atas budi bicaranya, menentukan Had Kredit Pemegang Kad dengan Maybank Islamic untuk tujuan terma dan syarat ini.
- 9.2 Jika Syarikat mempunyai dua (2) Kad Korporat-i atau lebih dengan Maybank Islamic, maka Had Kredit yang digabungkan akan diperuntukkan kepada Syarikat yang mewakili jumlah had kredit yang diberikan bagi meliputi penggunaan semua Kad Korporat-i yang dipegang oleh Syarikat dan Pemegang Kad Tambahan, jika ada.
- 9.3 Syarikat dan/atau Pemegang Kad berwaad bahawa mereka tidak akan berbelanja melebihi Had Kredit mereka ketika menggunakan Kad dan akan membayar apa-apa lebihannya dengan segera apabila menerima resit penyata akaun bulanan.
- 9.4 Tertakluk kepada Fasal 4.2(b), Syarikat atau Pemegang Kad dibenarkan untuk memperoleh Pendahuluan Tunai hanya sehingga 50% daripada Had Kredit yang disediakan.
- 9.5 Syarikat dan/atau Pemegang Kad dibenarkan menikmati maksimum 50% daripada Had Kredit yang disediakan untuk Pelan Ansuran EzyPay di Pedagang terpilih.

10. LIABILITI

- 10.1 Anda dan/atau Pemegang Kad, secara bersamaan dan berasingan dan/atau bertanggungan/atau bertanggungan secara individu bagi semua caj ke atas Kad Korporat-i.
- 10.2 Anda mestilah memaklumkan kepada kami dengan segera sebaik sahaja anda menyedari atau mempunyai sebab mengesyaki bahawa Kad telah hilang atau dicuri atau jika Kad atau Akaun berisiko disalahgunakan dan anda hendaklah menulis kepada Maybank Islamic dalam tempoh tiga (3) hari kalender tentang kejadian tersebut untuk mengesahkan kehilangan atau kecurian atau risiko tersebut.
- 10.3 Sehingga dan melainkan Maybank Islamic menerima pengesahan bertulis tersebut yang dirujuk dalam 10.2 di atas, anda dan/atau Pemegang Kad akan terus bertanggungan bagi semua caj yang ditanggung sebelumnya kerana menggunakan Kad sama ada dibenarkan oleh Pemegang Kad atau tidak.
- 10.4 Anda bersetuju untuk memberikan kami bantuan yang munasabah untuk mengumpulkan semua amaun lampau tempoh daripada Pemegang Kad Korporat, termasuk tetapi tidak terhad kepada butiran alamat dan nombor telefon Pemegang Kad yang terakhir diketahui, penggunaan Kad atau Akaun oleh Pemegang Kad dan pembayaran balik daripada anda bagi Caj yang ditanggung oleh Pemegang Kad. Untuk mengelakkan keraguan, anda akan terus bertanggungan bagi semua amaun lampau tempoh oleh Pemegang Kad Korporat jika Bank gagal menerima pembayaran yang perlu dibayar kepada Bank di bawah terma dan syarat ini.
- 10.5 Anda mestilah memaklumkan kepada kami dengan segera jika kuasa Pemegang Kad Korporat untuk menanggung Caj dihentikan disebabkan oleh penamatian pekerjaan atau apa-apa sebab lain. Anda akan terus bertanggungan secara bersamaan dan berasingan dan/atau bertanggungan atau bertanggungan secara individu dengan Pemegang Kad untuk membayar kepada kami semua Caj yang ditanggung sehingga kami menerima notis penamatian tersebut daripada anda.
- 10.6 Anda hendaklah sedaya upaya mengumpulkan dan memusnahkan Kad yang dikeluarkan kepada individu yang tidak lagi mempunyai kuasa untuk menanggung Caj disebabkan oleh penamatian pekerjaan atas apa-apa sebab atau kepada individu yang Kadnya telah dibatalkan.

- **Liabiliti Bersama & Berasingan**

Syarikat bertanggungan terhadap keseluruhan hutang bagi setiap kad yang dikeluarkan atas namanya bersama dengan setiap Pemegang Kad contohnya, (pekerja) yang secara bersamaan bertanggungan terhadap hutang yang ditanggung di bawah Kad yang dikeluarkan kepada individu tersebut.

- **Liabiliti Individu**

Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab terhadap tempoh pembayaran.

- **Liabiliti Mutlak**

Syarikat yang memilih untuk bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada Kad, akan bertanggungjawab untuk membayar balik semua Caj Pemegang Kad.

11. PENERIMAAN KAD

- 11.1 Kad yang dikeluarkan dan diserahkan bersama-sama ini oleh Maybank Islamic mestilah ditandatangani oleh Pemegang Kad dengan segera sebaik sahaja menerimanya.
- 11.2 Pemegang Kad mengaku janji tidak akan mendedahkan Nombor Pengenalan Diri (PIN) yang diperuntukkan oleh Maybank Islamic kepadanya apabila Kad dikeluarkan kepada mana-mana orang tanpa kebenaran Maybank Islamic, dan jika gagal berbuat demikian, Pemegang Kad akan bertanggungan terhadap Maybank Islamic bagi apa-apa catatan debit dalam Akaun Kadnya dengan Maybank Islamic yang timbul daripada urus niaga yang tidak dibenarkan. Selain itu, Maybank Islamic tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara sekali pun terhadap apa-apa urus niaga yang tidak dibenarkan yang Pemegang Kad mungkin bertanggungan terhadapnya akibat daripada pendedahan tersebut.
- 11.3 Jika anda dan/atau Pemegang Kad tidak mahu terikat dengan terma dan syarat ini, Pemegang Kad hendaklah mengembalikan dengan segera Kad yang dipotong dua kepada Maybank Islamic, dan jika anda dan/atau Pemegang Kad tidak berbuat demikian, anda akan dianggap menerima terma dan syarat ini.

12. KAD TIDAK BOLEH DIPINDAH MILIK

Kad tidak boleh dipindah milik dan hanya boleh digunakan oleh Pemegang Kad secara peribadi.

13. PENGGUNAAN KAD

- 13.1 Dalam tempoh penggunaannya, Kad hanya boleh digunakan oleh Pemegang Kad untuk:-
- (d) Membayar/membeli barang dan/atau perkhidmatan patuh Syariah atau selainnya secara kredit dengan mana-mana pedagang berdaftar dengan Maybank Islamic yang menerima Kad;
- (e) Memperoleh Pendahuluan Tunai sehingga amaan tertentu seperti yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa atau sehingga kreditnya yang ada mengikut mana-mana yang lebih rendah daripada Bank; dan/atau
- (f) Kemudahan lain seumpamanya seperti yang boleh disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa mengikut budi bicaranya.
- 13.2 Penggunaan Kad dilarang di Kod Kategori Pedagang (MCC) tidak Patuh Syariah termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut dan mana-mana pedagang tidak Patuh Syariah lain yang akan dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa;

Bil	MCC	Keterangan
1	5921	Kedai Minuman Keras - Bir, Wain dan Arak
2	5993	Kedai Cerut dan Pemegang Cerut
3	7261	Perkhidmatan Pengebumian dan Krematorium
4	7273	Perkhidmatan Janji Temu
5	7800	Loteri Milik Kerajaan (Wilayah Amerika Syarikat sahaja)
6	7801	Kasino Dalam Talian Berlesen Kerajaan (Perjudian Dalam Talian) (Wilayah Amerika Syarikat sahaja)
7	7802	Lumba Kuda/Anjing Berlesen Kerajaan (Wilayah Amerika Syarikat sahaja)
8	7995	Pertaruhan, termasuklah Tiket Loteri, Cip Perjudian Kasino, Pertaruhan Luar Trek dan Pertaruhan dalam Trek Perlumbaan
9	9406	Loteri Milik Kerajaan (Bukan Wilayah Amerika Syarikat)
10	9754	Perjudian-Lumba Kuda dan anjing, Loteri Negeri

14. PENYELESAIAN AKAUN

Bank hendaklah membeli daripada mana-mana pedagang berdaftar dengan Maybank Islamic semua bil yang ditanggung oleh Pemegang Kad menurut penggunaan Kad dan Bank akan memberikan kepada Syarikat penyata akaun disatukan setiap bulan berhubung dengan semua bil yang dibeli dan semua Fi Pengurusan dan caj Bank lain yang perlu dibayar di bawah terma dan syarat ini dan penyata tersebut hendaklah dianggap sebagai betul, mengikat dan muktamad terhadap Syarikat dan/atau Pemegang Kad melainkan Syarikat dan/atau Pemegang Kad memberikan notis bertulis yang sebaliknya kepada Bank dalam tempoh tujuh (7) hari kalender selepas menerima penyata tersebut.

15. PEMBAYARAN

- 15.1 Anda tidak boleh menolak atau menahan, tanpa kelulusan kami terlebih dahulu, apa-apa amaun yang ditunjukkan sebagai perlu dibayar dalam apa-apa penyata akaun. Jika anda percaya apa-apa Caj yang ditunjukkan dalam penyata adalah salah atau jika terdapat apa-apa pertikaian atau percanggahan dengan pedagang atau penjual, anda hendaklah memaklumkan kepada Maybank Islamic dalam tempoh dua puluh (20) hari kalender dari tarikh tutup tempoh bil seperti yang dinyatakan dalam penyata akaun, dan jika gagal berbuat demikian, catatan dalam penyata bagi amaun itu akan dianggap sebagai betul oleh Maybank Islamic. Maybank Islamic boleh menyediakan dan menyelenggara dalam tempoh yang munasabah, kredit sementara bagi Akaun untuk bahagian Caj yang dipertikai semasa ia menyiasat kesilapan atau anda berusaha untuk menyelesaikan pertikaian.
- 15.2 Sebaik sahaja menerima penyata akaun bulanan, Syarikat dan/atau Pemegang Kad hendaklah membayar keseluruhan amaun bagi Jumlah Baki Baharu pada atau sebelum tarikh cukup tempoh atau dengan cara lain membuat pembayaran minimum sebanyak 5% daripada baki belum jelas seperti yang ditetapkan dalam penyata bulanan campur amaun lebihan had kredit dan amaun lampau tempoh atau RM50.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, tertakluk kepada caj seperti yang ditetapkan dalam Fasal 16 dokumen ini.
- 15.3 Kami akan menggunakan sebarang bayaran yang diterima daripada Syarikat dan/atau Pemegang Kad untuk menyelesaikan baki tertunggak dengan cara berikut:
- (i) Jika sebarang bayaran separa yang diterima daripada Syarikat dan/atau Pemegang Kad adalah sama atau kurang daripada bayaran bulanan minimum, kami akan memperuntukkan sehingga 30% daripada jumlah tersebut untuk menyelesaikan bahagian yuran baki.
 - (ii) Sekiranya bayaran separa yang diterima lebih daripada bayaran bulanan minimum; lebihan akan menyelesaikan baki (i.e. yang terdapat dalam penyata) berdasarkan susunan baki yang menarik kadar yuran tertinggi.

16. FI DAN CAJ**16.1 Fi Pengurusan**

Kami berhak mengenakan Fi Pengurusan di bawah kontrak Syariah Ujrah sebagai pertukaran bagi semua Perkhidmatan yang disediakan untuk Syarikat dan/atau Pemegang Kad dan akan dinyatakan sebagai caj dalam penyata bil berikutnya. Fi Pengurusan adalah seperti yang berikut:

- iv. **Fi Pengurusan Tetap (“FMF”)**
 - (a) Kadar FMF ditetapkan dalam **Lampiran 3** (Fi Pengurusan Tetap “FMF”) terma dan syarat ini.
 - (b) Sebagai pertukaran bagi Perkhidmatan yang disediakan untuk anda menurut terma dan syarat ini, anda akan dikenakan FMF, iaitu amaun yang bergantung pada jenis Kad yang dikeluarkan. FMF mungkin ditambah atau dikurangkan dari semasa ke semasa, dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalender kepada anda. Perubahan tersebut akan mengikat anda dari tarikh tersebut seperti yang kami tentukan.
 - (c) Amaun FMF akan berfungsi sebagai penutup bagi EMF dan ECAMF yang boleh dicaj. Jika EMF dan ECAMF yang terakru melebihi amaun FMF yang dikira, maka kami akan hanya mengenakan caj EMF dan ECAMF sehingga amaun FMF.
 - (d) Kami boleh, atas budi bicara kami, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, memberikan anda rebat (Ibra’), iaitu amaun yang akan ditentukan atas budi bicara kami. Tanpa menjelaskan budi bicara tersebut, amaun rebat (Ibra’) jika diberikan boleh ditentukan melalui perbezaan antara FMF dengan EMF dan/atau ECAMF pada Tarikh Penyata berkaitan atau apabila EMF dan/atau ECAMF ke atas Baki Semasa kurang daripada FMF.
- v. **Fi Pengurusan Efektif(“EMF”)**
 - (d) Kadar EMF dinyatakan dalam **Lampiran 1** (EMF dan ECAMF) terma dan syarat ini.

- (e) EMF akan dikira atas urus niaga belum jelas yang tidak dibayar pada Tarikh Cukup Tempoh pembayaran berkaitan. Bagi urus niaga, EMF akan dikira dari tarikh transaksi sehingga pembayaran penuh dibuat.

vi. Fi Pengurusan Pendahuluan Tunai Efektif (“ECAMF”)

- (c) Kadar ECAMF dinyatakan dalam **Lampiran 1** (EMF dan ECAMF) terma dan syarat ini.
 (d) ECAMF akan dikira seperti yang berikut:-
 III. Fi perkhidmatan satu kali sebanyak lima peratus (5%) atas Pendahuluan Tunai atau minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lapan Belas (RM18.00) bagi setiap urus niaga, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
 IV. Sebagai tambahan kepada yang di atas, baki belum jelas disebabkan oleh Pendahuluan Tunai dan pelan kredit lain akan tertakluk kepada ECAMF bagi Fi Pengurusan Efektif (18%, 17% atau 15%) setahun.
 (f) ECAMF akan dikira atas pendahuluan/pengeluaran tunai belum jelas yang tidak dibayar pada Tarikh Cukup Tempoh pembayaran yang berkaitan. Bagi Pendahuluan Tunai, ECAMF akan dikira dari tarikh urus niaga sehingga pembayaran penuh dibuat.

16.2

Caj Pembayaran Lewat

Jika Syarikat dan/atau Pemegang Kad gagal membuat pembayaran minimum pada tarikh cukup tempoh, Maybank Islamic berhak mengenakan, dan Syarikat dan/atau Pemegang Kad Syarikat hendaklah bertanggungan untuk membayar, caj pembayaran lewat sebanyak satu peratus (1%) daripada baki belum jelas yang belum dibayar tertakluk kepada minimum Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) dan maksimum Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) sahaja atau amaun maksimum tertentu seperti yang akan diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. Caj pembayaran lewat tersebut akan terus terakru dan perlu dibayar sehingga pembayaran penuh baki belum jelas yang belum dibayar tetapi tidak akan dikenakan kompaun.

16.3

Semua pembayaran daripada anda kepada kami mungkin tidak dibuat tertakluk kepada apa-apa potongan (sama ada berdasarkan apa-apa tuntutan atau tuntutan balas atau hak tolak selesai yang anda fikir anda mungkin ada terhadap Pedagang Dibenarkan, Kedai Tunai Dibenarkan dan/atau kami atau selainnya).

16.4

Semua pembayaran kepada Kad mestilah dalam Mata Wang Bil. Pembayaran anda tidak akan dianggap sebagai telah dibuat sehingga pembayaran berkaitan telah kami terima. Semua pembayaran yang dibuat melalui cek luar mestilah termasuk komisen pertukaran dalaman yang terpakai.

16.5

Semua amaun yang perlu dibayar dinyatakan dan dibayar dalam Ringgit Malaysia.

16.10

Fi pengantian kad - RM50.00 - dan termasuk apa-apa caj lain.

16.11

Permohonan Penyata Kad - Ringgit Malaysia Lima (RM5.00) bagi satu salinan setiap bulan (tempoh penyata dalam tempoh 2 tahun) dan Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) untuk satu salinan setiap bulan (tempoh penyata melebihi 2 tahun).

16.12

Cukai Jualan dan Perkhidmatan sebanyak RM25.00 dikawal oleh Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dikenakan selepas pengaktifan kad dan pada setiap tahun berikutnya atau sebahagian daripadanya.

16.13

Semua fi dan caj lain dinyatakan dalam **Lampiran 2** terma dan syarat ini.

17.

CAJ TAMBAHAN

Walau apa pun yang disebut di atas, Bank boleh, atas budi bicaranya, mengenakan caj tambahan pada kadar tertentu dan dalam cara tertentu seperti yang dianggapnya sesuai bagi apa-apa perkhidmatan lain. Bank boleh memberikan notis dua puluh satu (21) hari dengan menyiarkannya di www.maybank2u.com atau melalui apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Maybank Islamic.

18.

PERMOHONAN UNTUK DRAF JUALAN

Apa-apa permohonan oleh Syarikat dan/atau Pemegang Kad untuk mendapatkan salinan draf jualan adalah tertakluk kepada fi sebanyak RM15.00 bagi setiap satu salinan.

19.

CEK TAK LAKU

Jika apa-apa cek yang dikeluarkan oleh Syarikat dan/atau Pemegang Kad kepada Bank adalah tak laku bagi keseluruhan amaun padanya, maka Bank boleh atas budi bicaranya mengenakan caj perkhidmatan terhadap Syarikat dan/atau Pemegang Kad bagi setiap cek tak laku tersebut untuk membayar balik Bank bagi kos dan perbelanjaan pungutan.

20. KELONGGARAN

Penerimaan Bank terhadap pembayaran lewat atau pembayaran separuh atau cek atau kiriman wang yang dianggap sebagai membentuk pembayaran penuh tidak boleh bertindak untuk menghalang Bank daripada menguatkuasakan apa-apa haknya di bawah terma dan syarat ini untuk memungut amaun yang terhutang menurut dokumen ini dan juga penerimaan tersebut tidak boleh bertindak sebagai persetujuan terhadap pengubahsuaian terma dan syarat ini dalam apa-apa perkara.

21. PENGGUNAAN KAD DAN AKAUN

21.4 Anda atau Pemegang Kad hanya akan menggunakan Kad Korporat-i dan/atau Akaun untuk tujuan perniagaan patuh Syariah dan menurut dasar Syarikat anda yang terpakai. Anda hendaklah mengarahkan semua Pemegang Kad mematuhi keperluan ini.

21.5 Anda atau Pemegang Kad tidak boleh menggunakan Akaun atau apa-apa Kad untuk membeli barang atau perkhidmatan yang anda berhasrat untuk menjualnya semula. Anda memberikan waranti bahawa anda adalah pengguna akhir semua barang atau perkhidmatan yang dicajkan kepada Akaun.

21.6 Anda hendaklah memaklumkan kepada kami dengan segera jika pekerjaan Pemegang Kad dengan anda telah ditamatkan bagi apa-apa sebab atau jika anda menjangkakan penamatan tersebut dan tarikh berkuat kuasa atau tarikh yang dijangka bagi penamatan itu.

22. TANGGUNGJAWAB MENJAGA DENGAN BAIK

Syarikat dan/atau Pemegang Kad hendaklah, semasa menggunakan Kad dan mengendalikan akaun Kad, mengambil segala langkah berwaspada dan berjaga-jaga yang mungkin untuk mengelakkan dan mencegah apa-apa kerugian kepada Bank walau dengan apa cara sekali pun ditanggung (termasuklah tanpa menjelaskan keluasan makna yang di atas, apa-apa kerugian disebabkan oleh penipuan Kad atau penggunaan Kad yang tidak dibenarkan oleh mana-mana orang lain). Syarikat dan/atau Pemegang Kad dengan ini mengaku janji untuk melepaskan dan menanggung rugi sepenuhnya Bank, pengganti hak milik dan penerima serah haknya daripada dan terhadap semua kerugian, tuntutan, perbelanjaan dan apa jua liabiliti sama ada disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh apa-apa tindakan atau pengabaian di pihak Syarikat dan/atau Pemegang Kad.

23. PEMBERITAHUAN KEHILANGAN

Pemegang Kad hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga dan berhati-hati yang munasabah untuk mengelakkan apa-apa kehilangan atau kecurian Kad. Jika berlaku apa-apa kehilangan atau kecurian Kad, Pemegang Kad hendaklah memaklumkan kepada Maybank Islamic, atau mana-mana ahli Visa International/Mastercard International dengan segera sebaik sahaja mengetahui tentang kehilangan atau kecurian tersebut dan mengesahkannya secara bertulis kepada Maybank Islamic. Laporan polis hendaklah dibuat oleh Pemegang Kad tentang kehilangan atau kecurian Kad dan salinan laporan tersebut yang diakui sah hendaklah diserahkan kepada Maybank Islamic dengan segera. Sehingga dan melainkan pengesahan bertulis dan salinan laporan polis yang diakui sah tersebut diterima Maybank Islamic, Pemegang Kad akan terus bertanggungan terhadap semua caj yang ditanggung sebelumnya sama ada dibenarkan oleh Pemegang Kad atau tidak. Maybank Islamic boleh, atas budi bicaranya, menyelesaikan liabiliti Pemegang Kad sehingga had RM250.00 bagi Caj yang ditanggung itu sebelum pelaporan kehilangan atau kecurian Kad jika Pemegang Kad mengambil langkah berwaspada dan berhati-hati yang munasabah untuk melindungi Kad dan melaporkan kehilangan atau kecurian Kad seberapa segera yang boleh dengan syarat Pemegang Kad tidak bertindak secara menipu berhubung dengan kehilangan atau kecurian Kad itu.

24. KAD ADALAH HAK MILIK BANK

Kad kekal menjadi hak milik Bank dan Bank berhak membatalkan hak Syarikat dan/atau Pemegang Kad untuk menggunakan Kad pada bila-bila masa dengan atau tanpa notis dan tanpa sebab. Syarikat dan/atau Pemegang Kad mengaku janji untuk menyerahkan Kad yang telah tamat tempoh atau Kad yang dibatalkan dengan segera apabila diminta oleh Bank. Bank tidak akan, dalam apa-apa keadaan, bertanggungan terhadap kerosakan yang dialami atau kerugian yang ditanggung oleh Syarikat berhubung dengan apa-apa pernyataan atau komunikasi lain yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada pembatalan tersebut termasuklah penyenaraian nombor Kad tersebut dalam apa-apa senarai pembatalan dan/atau tamat tempoh berhubung dengan apa-apa keadaan lain yang timbul walau dengan apa cara sekali pun.

25. DASAR PERTUKARAN ASING

Syarikat dan/atau Pemegang Kad hendaklah mematuhi apa-apa Dasar Pertukaran Asing yang pada masa ini berkuat kuasa.

26. PEMBATALAN KAD

Bank berhak pada bila-bila masa atas budi bicaranya dan tanpa memberikan notis kepada Syarikat dan/atau Pemegang Kad atau memberikan apa-apa sebab untuk mengehadkan atau membataskan had kredit Syarikat atau menolak atau menangguhkan kemudahan.

27. PELANGGARAN

Jika Syarikat dan/atau Pemegang Kad gagal melaksanakan atau melanggar apa-apa terma dalam dokumen ini atau jika Pemegang Kad meninggal dunia atau tidak mampu bayar atau dikenakan tindakan kebankrapan atau petisyen kebankrapan dikemukakan terhadapnya, dan dalam kes Syarikat, jika petisyen prosiding penggulungan dikemukakan atau pelantikan penerima atau penyelesaian atau Perintah Penggulungan dibuat, maka amaun yang perlu dibayar kepada Bank seperti dipersetujui di bawah fasal ini akan menjadi terhutang dan perlu dibayar dengan serta-merta.

28. PEMBAHARUAN KAD

Syarikat boleh meminta Bank mengeluarkan Kad baharu secara berkala tetapi Bank berhak untuk tidak mengeluarkan Kad tanpa perlu memberikan apa-apa sebab. Bank tidak bertanggungjawab dan Bank juga tidak bertanggungan terhadap kegagalan untuk mengeluarkan Kad baharu seperti yang tersebut sebelumnya.

29. LIEN DAN TOLAK SELESI TERHADAP AKAUN SYARIKAT

Bank hendaklah pada setiap masa mempunyai lien terhadap semua wang yang sekarang atau selepas ini masih ada dalam kredit Syarikat bagi apa-apa akaun perbankan (sama ada simpanan, semasa, deposit atau selainnya) di cawangannya bagi apa-apa wang yang mungkin terhutang bagi Akaun Kad itu. Bank boleh, pada bila-bila masa dan tanpa memberikan notis kepada Syarikat, menolak selesai atau memindahkan apa-apa wang daripada mana-mana akaun Syarikat dan/atau Pemegang Kad di mana-mana cawangannya untuk menjelaskan semua wang yang terhutang kepada Bank bagi akaun Kad itu. Walau bagaimanapun, Bank hendaklah memberikan notis bertulis tujuh (7) hari kepada Syarikat dan/atau Pemegang Kad sebelum membuat tolak selesai atau pemindahan tersebut.

30. TIADA LIABILITI BAGI TINDAKAN ATAU PENGABAIAN PEDAGANG YANG DIBENARKAN

Bank tidak mempunyai hubungan dengan mana-mana pedagang berdaftar dengan Maybank Islamic melainkan sebagai pembekal kredit. Tiada apa jua jenis agensi, jaminan, waranti atau pernyataan yang tersirat daripada penyenaraian mana-mana pedagang berdaftar dengan Maybank Islamic oleh Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kecederaan, kerugian, kerosakan, perbelanjaan, kos atau apa-apa liabiliti lain sekalipun yang disebabkan oleh atau timbul daripada apa-apa tindakan atau pengabaian mana-mana pedagang berdaftar dengan Maybank Islamic walau dengan apa cara sekalipun disebabkan oleh atau ditanggung (termasuklah tanpa menjelaskan keluasan makna di atas apa-apa liabiliti disebabkan oleh apa-apa kecacatan atau kekurangan pada barang atau apa-apa kelewatan penghantarannya atau perkhidmatan yang dibekalkan atau apa jua jenis risiko atau bahaya yang Syarikat atau Pemegang Kad mungkin terdedah atau apa-apa penolakan untuk menyerahkan atau menjelaskan Kad atau apa-apa pernyataan atau komunikasi yang dibuat berkaitan dengannya) dan liabiliti Syarikat dan/atau Pemegang Kad kepada Bank tidak terjejas dan/atau dikurangkan melalui apa-apa tolak selesai atau tuntutan balas di pihak Syarikat dan/atau Pemegang Kad. Syarikat dan/atau Pemegang Kad boleh mengemukakan apa-apa tuntutan atau pertikaian secara terus dengan mana-mana pedagang berdaftar dengan Maybank Islamic dan tidak akan menahan pembayaran daripada Bank bagi Akaun itu terhadap apa-apa tuntutan atau pertikaian tersebut.

31. MASA

Masa dianggap sebagai penting dalam terma dan syarat ini.

32. PERUBAHAN TERMA DAN SYARAT

Syarikat dan/atau Pemegang Kad bersetuju, tertakluk kepada pematuhan prinsip Syariah, Maybank Islamic bebas dan berhak untuk mengubah, menambah atau meminda terma dan syarat atau pengaturan ini (termasuklah keistimewaan yang disediakan oleh Maybank Islamic berhubung dengan Kad sama ada keistimewaan tersebut dinyatakan dalam dokumen ini atau di tempat lain) apabila difikirkan perlu oleh Maybank Islamic dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalender terlebih dahulu sebelum pelaksanaan tersebut. Syarikat dan/atau Pemegang Kad dinasihatkan untuk merujuk terma dan syarat yang dikemas kini di laman web Maybank www.maybank2u.com.my dari semasa ke semasa. Terma dan syarat terkini yang dipaparkan dalam laman web akan menggantikan semua terma dan syarat terdahulu yang dibuat antara Maybank Islamic dengan Syarikat dan/atau Pemegang Kad di bawah terma dan syarat ini atau apa-apa pengaturan lain.

Syarikat dan/atau Pemegang Kad dianggap telah menerima perubahan, penambahan dan/atau pindaan secara keseluruhan atau sebahagian daripada terma dan syarat ini dan terikat dengannya sebaik sahaja Syarikat dan/atau Pemegang Kad mula menggunakan Kad Kredit mereka. Jika Syarikat dan/atau Pemegang Kad tidak bersetuju dengan perubahan, penambahan dan/atau pindaan tersebut secara keseluruhannya atau sebahagiannya, maka mereka hendaklah menamatkan penggunaan Kad mereka dengan menghubungi Khidmat Pelanggan atau memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada Maybank Islamic, sebelum tarikh berkuat kuasa perubahan yang dicadangkan itu. Menurut peruntukan yang berkaitan dengan penamatan di atas, Syarikat dan/atau Pemegang Kad hendaklah menyerahkan Kad dan mengembalikannya kepada Maybank Islamic dengan memotong Kad mereka kepada dua, dan jika gagal berbuat demikian mereka akan dianggap telah menerima perubahan, penambahan dan/atau pindaan tersebut.

33. KOS GUAMAN, CAJ DAN PERBELANJAAN

Syarikat dan/atau Pemegang Kad hendaklah bertanggungan untuk membayar Bank semua kos guaman (termasuklah berdasarkan rundingan Peguam Cara dengan Klien), caj dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Bank semasa menguatkuasakan atau cuba menguatkuasakan terma dan syarat ini atau semasa mendapatkan atau cuba mendapatkan pembayaran semua atau apa-apa bahagian wang yang perlu dibayar dan belum jelas bagi Akaun itu.

34. PENAMATAN PEKERJAAN PEMEGANG KAD

Syarikat hendaklah dengan segera memberikan notis kepada Bank tentang penamatan pekerjaan Pemegang Kad dengan Syarikat sama ada melalui peletakan jawatan atau penamatan atau selainnya walau dengan apa cara sekali pun dan hendaklah memastikan Kad dikembalikan kepada Bank dengan segera dan Syarikat akan menjadi bertanggungan serta-merta terutamanya kepada Bank bagi kredit yang diberikan kepada Pemegang Kad hasil daripada urus niaga yang dijalankan dengan menggunakan Kad sebelum penamatan pekerjaan tersebut dan pengembalian Kad kepada Bank.

35. MAKLUMAT DAN KEBENARAN PEMEGANG KAD

35.1 Anda membenarkan Maybank Islamic dan anggota gabungannya untuk menjalankan apa jua siasatan kredit tentang anda yang kami anggap sesuai. Kami boleh meminta pelaporan pengguna atau skim rujukan bagi laporan pengguna tentang sejarah kredit anda, dan maklumat berkaitan dengan Akaun yang mungkin kami kemukakan dalam pelaporan pengguna atau skim rujukan, bank atau pemutang lain. Kami boleh bertukar-tukar apa-apa maklumat yang kami terima tentang anda dengan anggota gabungan kami, termasuklah apa-apa kredit atau maklumat lain yang kami peroleh daripada permohonan anda atau laporan pengguna.

35.2 Maklumat yang diberikan dalam permohonan anda dan maklumat tentang Akaun boleh didedahkan secara sulit kepada (i) syarikat lain dalam Maybank Islamic atau pemegang lesennya di seluruh dunia termasuklah mana-mana pihak yang nama atau logonya tertera pada Kad yang dikeluarkan kepada anda; (ii) pihak ketiga yang bereputasi baik yang bekerja dengan Maybank Islamic untuk menyediakannya perkhidmatan pentadbiran berkaitan dengan pengendalian akaun pelanggan dan pemasaran perkhidmatan akaun; (iii) pembekal kami dan kepada organisasi yang menerima Kad untuk membayar barang dan/atau perkhidmatan yang anda beli, untuk menguruskan dan mengendalikan Akaun, memproses dan memungut caj padanya dan menguruskan manfaat atau program takaful yang anda sertai; (iv) bank atau institusi kewangan, agensi kerajaan, lembaga

berkanun atau pihak berkuasa kawal selia di Malaysia atau di tempat lain; dan (v) mana-mana orang lain yang kami anggap orang itu mempunyai kepentingan kepada kami untuk membuat pendedahan tersebut.

- 35.3 Dari semasa ke semasa, kami boleh memantau dan/atau merakam panggilan telefon antara anda dengan kami untuk memastikan kualiti khidmat pelanggan kami.
- 35.4 Kami boleh menggunakan maklumat yang anda berikan kepada kami dalam permohonan anda dan dalam kajian, maklumat yang diperoleh tentang bagaimana anda menggunakan Kad dan maklumat daripada sumber luar, termasuklah laporan pengguna, untuk aktiviti pemasaran yang kami dan anggota gabungan kami jalankan. Tertakluk kepada Fasal 46, anda juga membenarkan Maybank Islamic bertukar-tukar maklumat bukan kewangan tentang anda dan Akaun dengan rakan niaga terpilih untuk digunakan dalam pemasaran.
- 35.5 Jika anda percaya apa-apa maklumat yang kami ada tentang anda atau maklumat yang kami berikan dalam pelaporan pengguna atau skim rujukan adalah tidak tepat, sila maklumkan kepada kami di Maybank Islamic Berhad, Maybank Commercial Cards, Aras 39, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur, Malaysia. Apa-apa maklumat yang kami dapatkan tidak tepat akan dibetulkan dengan serta-merta.

KEMUNGKIRAN

- 36.1 Walau apa pun peruntukan yang bertentangan yang dinyatakan dalam dokumen ini, Maybank Islamic boleh, atas budi bicaranya, pada bila-bila masa dengan notis, memutuskan untuk tidak membaharui, membatalkan, menarik balik Kad Korporat-i, atau menggantung atau mengehadkan penggunaan Kad Korporat-i oleh Pemegang Kad yang semua wang yang terhutang dan perlu dibayar kepada Maybank Islamic di bawah Akaunnya dengan Syarikat menjadi terhutang dan perlu dibayar sepenuhnya dengan segera sekiranya berlaku kejadian berikut atau mana-mana daripadanya:-
- (a) jika Pemegang Kad dan/atau Syarikat mungkir untuk membayar apa-apa wang yang dengan ini berwaad untuk dibayar menurut cara yang dinyatakan dalam dokumen ini;
 - (b) jika Pemegang Kad dan/atau Syarikat berbelanja melebihi Had Kredit mereka yang diberikan oleh Maybank Islamic;
 - (c) jika Pemegang Kad dan/atau Syarikat melanggar apa-apa terma dan syarat ini dalam apa jua cara sekali pun;
 - (d) jika Pemegang Kad dan/atau Syarikat membenarkan petisyen kebankrapan; atau penggulungan untuk terus dibuat terhadapnya lebih daripada tiga puluh (30) hari;
 - (e) jika prosiding distres atau pelaksanaan dikenakan atau dikeluarkan terhadap harta Pemegang Kad dan/atau Syarikat dan tidak dibayar dengan segera;
 - (f) jika Maybank Islamic mendapati kedudukan kewangan Syarikat dan/atau Pemegang Kad tidak kukuh atau menjadi tidak kukuh dan/atau keupayaan mereka untuk memenuhi terma yang dinyatakan dalam dokumen ini terjejas atau menjadi terjejas;
 - (g) jika anda menggunakan Kad untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau tidak patuh Syariah termasuk tetapi tidak terhad kepada pertaruhan dalam talian, pembayaran barang tidak patuh Syariah atau pembayaran barang di premis perniagaan tidak halal; atau
 - (h) jika Pemegang Kad meninggal dunia.

KUALITI BARANG ATAU PERKHIDMATAN

- 37.1 Kami tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kualiti barang atau perkhidmatan yang dibeli menggunakan Kad atau Akaun dan anda bersetuju untuk menyelesaikan apa-apa pertikaian berkaitan dengan barang atau perkhidmatan tersebut secara langsung dengan penjual atau penyedia perkhidmatan. Tanpa mengehadkan peruntukan dalam dokumen ini, kami tidak memiliki atau mengendalikan apa-apa penyedia perkhidmatan pelancongan, seperti syarikat penerbangan, hotel atau kereta sewa, dan kami tidak bertanggungan terhadap kekurangan atau kegagalan dalam perkhidmatan mereka, walaupun kami menempah perkhidmatan tersebut untuk anda sebagai ejen pelancongan.
- 37.2 Jika, atas permintaan anda, kami bersetuju untuk membayar balik barang atau perkhidmatan kepada penjual bagi pihak anda, anda bersetuju untuk menanggung rugi kami sepenuhnya bagi apa-apa tuntutan terhadap kami berdasarkan penolakan barang atau perkhidmatan itu atau bayaran balik tersebut.

38. CAJ MATA WANG ASING

Mata wang bagi urus niaga yang dilakukan di luar Malaysia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada tarikh kami menerima dan/atau memproses rekod urus niaga. Jumlah yang ditukar akan ditunjukkan dalam penyata anda. Kadar pertukaran yang digunakan untuk pertukaran itu mungkin berbeza daripada kadar lazim pada tarikh urus niaga, disebabkan oleh turun naik pasaran. Kadar pertukaran yang digunakan untuk pertukaran menunjukkan penggabungan (i) komponen pertukaran mata wang sebanyak 1.25% yang dikenakan oleh Visa International atau Mastercard International (bagi Kad Kredit Visa atau Mastercard), dan (ii) sebanyak 1% atau kadar lain yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa.

39. PENYEDIA PERISIAN PIHAK KETIGA

Jika, pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas terma dan syarat ini berkuat kuasa, Maybank Islamic memperkenalkan atau telah memperkenalkan mana-mana penyedia perisian pihak ketiga kepada Syarikat, Syarikat hendaklah mengakui dan bersetuju bahawa kami tidak membuat pernyataan atau waranti, tersurat atau tersirat, berkaitan dengan fungsi dan kebolehpercayaan apa-apa perisian yang disediakan oleh pihak ketiga itu untuk Syarikat, atau berkaitan dengan ketersediaan, kualiti atau tempoh sokongan perisian atau peningkatan keupayaan perisian oleh pihak ketiga.

Seterusnya, Syarikat mengakui dan bersetuju bahawa Maybank Islamic tidak akan bertanggungjawab terhadap semua kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan apa-apa perisian yang disediakan oleh pihak ketiga. Syarikat dengan ini bersetuju bahawa tindakan mutlak bagi apa-apa kerosakan yang dialami yang timbul daripada penggunaan, atau apa-apa aspek perisian, adalah atas penyedia perisian.

40. KERAHSIAAN

- 40.1 Setiap pihak bersetuju untuk menganggap terma dan syarat ini sebagai sulit, begitu juga semua maklumat yang diterima daripada pihak lain yang tidak tersedia secara umum.
40.2 Peruntukan kerahsiaan ini akan terus berkuat kuasa selepas penamatan terma dan syarat penggunaan Kad.

41. TERMA DAN PENAMATAN

- 41.1 Tertakluk kepada Fasal 41.2, tempoh awal bermula pada tarikh ia ditandatangani oleh pihak kedua untuk berbuat demikian dan akan terus berkuat kuasa sehingga dan melainkan ditamatkan oleh salah satu pihak dengan memberikan tiga (3) bulan notis lain terlebih dahulu kepada pihak yang satu lagi.
41.2 Mana-mana pihak boleh menamatkan terma ini serta-merta dengan memberikan notis pada bila-bila masa jika pihak yang satu lagi bankrap, tak mampu bayar atau tidak dapat membayar hutangnya atau terlibat dalam apa-apa tindakan atau proses (termasuklah proses sukarela) yang biasanya dikaitkan dengan ketakmampuan bayar termasuklah, tanpa had, penerimaan, pembubaran atau pentadbiran berkanun, atau jika ia berhenti daripada menjalankan perniagaan di Malaysia.
41.3 Dengan penamatan terma ini, Akaun akan ditutup dan Kad akan secara automatik dibatalkan. Semua Caj yang ditanggung sebelum pembatalan Akaun dan Kad perlu dibayar menurut terma dan syarat ini.

42. NOTIS

Semua notis yang diberi menurut dokumen ini hendaklah secara bertulis.

43. PENYAMPAIAN PROSES UNDANG-UNDANG

- 43.1 Anda bersetuju bahawa kami boleh mengemukakan apa-apa writ saman atau proses undang-undang lain berhubung dengan apa-apa tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan terma dan syarat ini terhadap anda dengan menghantar salinan proses tersebut melalui pos berdaftar prabayar (dan satu salinan melalui pos biasa) ke alamat seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan atau ke alamat tertentu seperti yang anda boleh maklumkan secara rasmi dan bertulis kepada kami dari semasa ke semasa.
43.2 Satu pihak boleh menukar butiran notisnya dengan memberikan notis kepada pihak yang satu lagi menurut peruntukan ini.

44. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL

Terma dan syarat ini dan semua perkara berkaitan dengan Akaun atau Kad dikawal oleh Undang-undang di Malaysia.

45. PERUNTUKAN AM

Tertakluk kepada pematuhan prinsip Syariah, kami boleh mengubah atau mengubah suai termasuklah syarat ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu dan kami akan memaklumkan kepada anda tentang caj tertentu dengan menyiarkannya di www.maybank2u.com. Anda akan secara automatik terikat dengan apa-apa perubahan atau pengubahsuaian (hak penyerahan hak dinyatakan di bawah Fasal 47) jika selepas itu anda menggunakan Kad.

46. PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN DAN DATA PERIBADI DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013 DAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010.

Tertakluk kepada arahan nyata Syarikat dan/atau Pemegang Kad yang mengehadkan pendedahan (jika ada) untuk tujuan aktiviti pemasaran, Syarikat dan/atau Pemegang Kad bersetuju dan membenarkan Bank mengumpulkan, memproses, mendedahkan, memindahkan data peribadi Syarikat dan/atau Pemegang Kad kepada entiti lain dalam Maybank Islamic termasuklah cawangannya di Malaysia dan di negara lain dan juga anak syarikat di dalam negeri dan di luar negeri dan pihak luar yang lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak/badan yang disenaraikan di bawah untuk penyelenggaraan, penyimpanan dan penahanan data peribadi Syarikat dan/atau Pemegang Kad, di dalam atau di luar Malaysia, untuk memproses permohonan Syarikat dan/atau Pemegang Kad bagi produk dan perkhidmatan, dan kemudiannya terus melaksanakan perjanjian kontraktual yang diikat antara Syarikat dan/atau Pemegang Kad dengan apa-apa entiti dalam Maybank Islamic.

Syarikat dan/atau Pemegang Kad bersetuju dan membenarkan Bank mengumpulkan, memproses, mendedahkan, memindahkan, menyelenggara, menyimpan dan menahan data peribadi anda kepada entiti lain dalam Maybank Islamic termasuklah cawangannya di Malaysia dan di negara lain serta anak syarikat di dalam dan di luar negeri dan ejen luar lain yang dibenarkan.

Syarikat dan/atau Pemegang Kad membenarkan Bank menjalankan pemeriksaan kredit dan pengesahan maklumat yang diberikan oleh Syarikat dan/atau Pemegang Kad dalam permohonan Akaun Perbankan atau perkhidmatan dengan mana-mana biro kredit atau perbadanan yang ditubuhkan untuk tujuan mengumpulkan dan menyediakan kredit atau maklumat lain. Syarikat dan/atau Pemegang Kad juga membenarkan Bank mendedahkan keadaan kewangan Syarikat dan/atau Pemegang Kad, butiran akaun, hubungan akaun dengan Bank termasuklah baki kredit kepada:-

- (h) pihak berkuasa kerajaan atau kawal selia di Malaysia dan di tempat lain, termasuklah Bank Negara Malaysia, Biro Kredit, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), Cagamas Berhad, Perbadanan Jaminan Kredit Malaysia Berhad;
- (i) syarikat yang berkaitan dengan Bank menurut Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 atau mana-mana syarikat bersekutu Bank atau syarikat induknya (Bank bersama dengan syarikat berkaitan/bersekutunya secara kolektif dirujuk sebagai "Maybank Islamic");
- (j) kesemua pihak yang menyediakan perkhidmatan (termasuklah vendor khidmat luar, peguam, penama, penjaga, pendaftar atau depositori sekuriti berpusat, agensi pemungutan hutang) kepada Bank;
- (k) ejen, perunding dan penasihat profesional Bank;
- (l) Bank atau mana-mana pemegang serah hak Maybank Islamic;
- (m) polis atau mana-mana pegawai penyiasat yang menjalankan apa-apa penyiasatan; dan
- (n) mana-mana orang yang kepadanya pendedahan dibenarkan atau dikehendaki oleh mana-mana undang-undang, peraturan, arahan atau permintaan kerajaan.

Bank boleh, tertakluk kepada pematuhan kawal selia, berkanun atau garis panduan berkaitan, menggunakan atau menerima pakai apa-apa maklumat berkaitan dengan Syarikat dan/atau Pemegang Kad yang dikumpulkan, disusun oleh atau didapatkan oleh Bank melalui atau mengikut apa jua cara dan kaedah untuk tujuan tersebut seperti yang ditentukan oleh Bank.

47. PENYERAHAN HAK DAN PEMINDAHAN

Maybank Islamic berhak, tanpa apa-apa obligasi memberikan apa-apa notis kepada anda untuk menyerahkan hak, kepentingan dan hak milik kami dan/atau memindahkan obligasi kami menurut dokumen ini atau mana-mana bahagiannya kepada mana-mana orang, dan untuk tujuan ini kami berhak membuat pendedahan kepada bakal pemegang serah hak atau penerima pindahan, maklumat tertentu tentang anda, kemudahan Kad anda dan juga akaun anda yang lain.

48. URUS NIAGA ANTARA NEGARA

Semua urus niaga Antara Negara melalui ATM hendaklah tertakluk kepada undang-undang sedia ada di negara yang urus niaga itu dijalankan. Bagi semua urus niaga tersebut, kadar pertukaran (jika berkaitan) adalah kadar lazim yang akan ditentukan oleh Bank. Bank berhak menentukan dan mengubah kadar pertukaran apabila dianggap perlu.

49. PELANTIKAN EJEN

49.1 Sebagai tambahan dan tanpa menjelaskan haknya di bawah terma dan syarat ini, Maybank Islamic berhak, atas budi bicaranya dan apabila dianggapnya perlu, melantik dan membenarkan ejen yang dipilihnya dan bagi pihaknya dengan memberikan sekurang-kurangnya notis tujuh (7) hari lebih awal untuk tujuan mendapatkan semula apa-apa atau semua wang yang terhutang dan perlu dibayar daripada Syarikat dan/atau Pemegang Kad kepada Maybank Islamic di bawah terma dan syarat ini.

49.2 Syarikat dan/atau Pemegang Kad dengan ini membenarkan Maybank Islamic mendedahkan apa-apa maklumat tentang Syarikat dan/atau Pemegang Kad dan Akaunnya kepada mana-mana ejennya yang dilantik sewajarnya untuk tujuan mendapatkan semula apa-apa atau semua wang yang terhutang dan perlu dibayar daripada Syarikat dan/atau Pemegang Kad kepada Maybank Islamic di bawah terma dan syarat ini.

LAMPIRAN 1
Caj EMF dan ECAMF
C. Fi Pengurusan Efektif (EMF)

Syarat	Fi Pengurusan Efektif	
Pembayaran Bulanan/Keseluruhan 12 Bulan	Sebulan	Setahun
Bagi pembayaran segera 12/12 bulan	1.25%	15%
Bagi pembayaran segera 10/12 bulan	1.42%	17%
Bagi pembayaran segera kurang daripada 10/12 bulan	1.50%	18%

D. Fi Pengurusan Pendahuluan Tunai Efektif (ECAMF)

Fi Pengurusan Pendahuluan Tunai Efektif			
Fi Perkhidmatan	Syarat	Fi Pengurusan	
Fi satu kali sebanyak 5% daripada amaun Pendahuluan Tunai atau minimum RM18 bagi satu urus niaga, mengikut mana-mana lebih tinggi	Pembayaran Bulanan/Keseluruhan 12 bulan	Sebulan	Setahun
	Bagi pembayaran segera 12/12 bulan	1.25%	15%
	Bagi pembayaran segera 10/12 bulan	1.42%	17%
	Bagi pembayaran segera kurang daripada 10/12 bulan	1.50%	18%

LAMPIRAN 2**Fi dan Caj**

Syarikat dan/atau Pemegang Kad tertakluk kepada fi dan caj berikut (mengikut mana-mana yang berkaitan):-

- (j) Fi Pengurusan Efektif seperti yang dinyatakan di bawah Fasal 16.1(ii);
- (k) Fi Pengurusan Pendahuluan Tunai Efektif seperti yang dinyatakan di bawah Fasal 16.1(iii);
- (l) Fi Pengurusan Tetap seperti yang dinyatakan di bawah Fasal 16.1(i);
- (m) Jika cek anda tidak laku, pembayaran caj perkhidmatan sebanyak RM10.00 dikenakan bagi setiap cek tarikh hadapan yang dikembalikan;
- (n) Caj untuk mengeluarkan atau membuat salinan foto atau mencetak salinan Draf Jualan atau dokumen lain atas permintaan anda:
 - (iv) Draf Jualan asal: RM15.00 satu salinan
 - (v) Salinan foto Draf Jualan asal: RM5.00 satu salinan
 - (vi) Permintaan Penyata Kad Korporat - RM5.00 satu salinan sebulan (tempoh penyata dalam tempoh 2 tahun) dan RM10.00 satu salinan sebulan (tempoh penyata lebih daripada 2 tahun). Melainkan jika berlaku kerosakan, tidak diterima dan hilang, fi tetap sebanyak RM5.00 bagi setiap salinan penyata terpakai untuk permintaan lebih daripada 3 bulan dari tarikh penyata semasa.
- (o) Cukai Jualan & Perkhidmatan sebanyak RM25 yang dikawal oleh Akta Cukai Perkhidmatan 2018 akan dikenakan ke atas setiap Kad Kredit pemegang kad selepas pengaktifan kad dan pada setiap ulang tahun kad.
- (p) Fi guaman (berdasarkan rundingan Peguam Cara dengan Klien) dan perbelanjaan lain yang kami tanggung untuk menguatkuaskan hak kami di bawah terma dan syarat ini dan/atau mendapatkan semula wang yang anda terhutang dengan kami di bawah Akaun Kad Kredit anda; dan
- (q) Apa-apa fi dan caj lain yang munasabah yang kami kenakan bagi perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada anda.
- (r) Mata wang bagi urus niaga yang dilakukan di luar Malaysia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada tarikh kami menerima dan/atau memproses rekod urus niaga. Jumlah yang ditukar akan ditunjukkan dalam penyata anda. Kadar pertukaran yang digunakan untuk pertukaran itu mungkin berbeza daripada kadar lazim pada tarikh urus niaga, disebabkan oleh turun naik pasaran. Kadar pertukaran yang digunakan untuk pertukaran menunjukkan penggabungan (i) komponen pertukaran mata wang sebanyak 1.25% yang dikenakan oleh Visa International atau Mastercard International (bagi Kad Kredit Visa atau Mastercard), dan (ii) sebanyak 1% atau kadar lain yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN 3**Fi Pengurusan Tetap (FMF)**

Fi Pengurusan Tetap
Umum
RM75,000

Maybank Card Centre

Aras 7, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.